



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
8 OKTOBER 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Hujan dan Ribut Petir di Selangor hingga Ahad ini | 29 |
| - 27 Kawasan Pulih Bekalan Air Berbau | |

Berita Harian

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Kawasan Rumah Jadi Parkir Haram | 47 |
|-----------------------------------|----|

Selangor Kini

- | | |
|--|---|
| - Zuraida puji program sisa kepada tunai | 7 |
|--|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

| | |
|--------------|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Hujan dan Ribut Petir di Selangor hingga Ahad ini |
| Muka Surat | 29 |

Hujan dan ribut petir di Selangor hingga Ahad ini

Sgt 8/10
SHAH ALAM - Hujan dan ribut petir berterusan dijangka melanda beberapa kawasan di Selangor sehingga 13 Oktober (Ahad) ini.

Berdasarkan kenyataan di laman sesawang Jabatan Metereologi Malaysia, antara kawasan yang dilaporkan terlibat adalah Gombak, Petaling, Hulu Langat dan Kuala Langat.

Manakala kawasan lain melibatkan Sabak Bernam, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Kebanyakan daerah terbabit diramal akan mengalami hujan pada sebelah petang manakala pada sebelah pagi pula diramal cuaca panas.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

| | |
|--------------|-------------------------------------|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | 27 Kawasan Pulih Bekalan Air Berbau |
| Muka Surat | 29 |

27 kawasan pulih

SHAH ALAM - Sebanyak 27 daripada 33 kawasan yang terjejas berikutan masalah bekalan air berbau menunjukkan pemulihan sehingga jam 6 petang kelmarin.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, sebanyak 37 aduan baru diterima sehingga jam 6 petang kelmarin dan pihaknya terus memeriksa kolam perkhidmatan dan mencuci sistem perpaipan di kawasan tадahan.

"Sehingga kini kami

sudah membuat pemeriksaan dan pencucian kolam ke atas 160 kolam-kolam perkhidmatan.

"Aktiviti pemeriksaan dan pencucian kolam serta sistem agihan itu masih diteruskan bagi memastikan semua kawasan terkesan dengan kes berkenaan pulih sepenuhnya," katanya.

Enam kawasan yang masih terjejas adalah di Puchong Prima, Petaling; Seri Kembangan, Petaling; Saujana Puchong, Petaling; Seksyen 3, Bangi, Hulu Langat; Salak Tinggi, Sepang dan Saujana Putra, Kuala Langat.

Bekalan air berbau

Penduduk
dakwa masalah
tersebut
mengganggu
aktiviti harian

ASTRAF MULIHAMAD

KUALA LANGAT

Penduduk di Bandar Saujana Utama mudah alihkan kegusaran berdaran bekalan air di kaw-



Foto mengikut air yang dikutakan berbau seperti berasma hasil

Fond kerjata baunya
berkenaan agak kurang
menyenangkan malah
pihuknya juga metru ragu-ragu dengan kebersihan air tersebut.

Seorang lagi penduduk,
Hizwan Ismail, 43, berkata,
selain Bandar Saujana Utama,
kawasan Cyberjaya dan
Putrajaya juga mengalami
berjejas masalah sama.

"Bu pencemaran air
sewajarnya dilaksanakan
dengan lebih
ia mungkin
kelebihan pada
kawasan tertitik."

Laporan *Sinar Harian* 5 Oktober 2019.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

| | |
|--------------|---------------------------------|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Kawasan Rumah Jadi Parkir Haram |
| Muka Surat | 47 |

Kawasan perumahan jadi parkir haram

BH 8/10/19 ms 47
Penduduk Taman Peruna dakwa bahu jalan sesak dengan kenderaan pekerja loji

Oleh Rizanizam Abdul Hamid mrizanizam@nsp.com.my

Melaka: Lebih 2,000 penduduk di Taman Peruna, Sungai Udang, di sini, mendakwa terpaksa berdepan pelbagai masalah berikutan bahu jalan taman perumahan itu dipenuhi parkir haram.

Kawasan bahu jalan itu didakwa menjadi ruang parkir 2,000 kenderaan pekerja loji penapisan, di sini, sejak lebih setahun lalu.

Penduduk, Mohd Noor Salleh, 63, berkata keadaan itu antara lain mencetuskan keimbangan terhadap aspek keselamatan mereka, termasuk sekitaran berlaku insiden kecemasan.

"Bagaimana penduduk di taman perumahan ini hendak lagi menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran apabila hampir semua jalan di sini sesak dengan kenderaan pekerja loji penapisan berhampiran."

"Kami semakin tersesa dan tertekan dengan masalah parkir haram ini," katanya kepada media di sini, semalam.

Beliau yang juga pesara tentera menegaskan, mereka bukan menghalang usaha berkaitan projek loji baru itu.

"Namun, tolong kasihan dan prihatin akan masalah ini yang sudah berlarutan sejak lebih setahun lalu."

"Janganlah berjumpa dengan



Bagaimana keselamatan dan nyawa penduduk yang perlu segera menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran sedangkan sekilang rumah sesak dengan kenderaan?

**Aminordin Dasuki,
Pesara tentera**

wakil penduduk tertentu sahaja, sebaliknya adakan dialog dengan penduduk supaya masalah kesekaman, keselamatan dan kesihatan di sini tidak terus menghantui kami," katanya.

Seorang lagi penduduk, Hussin Manbeb, 70, berkata ia berkemungkinan bukan hanya membatikan aspek keselamatan tetapi juga kesihatan penduduk apabila lori sampah tidak dapat memungut sampah dengan lebih efisien.

"Taman Peruna pernah mencatatkan kes dengan tertinggi di Malaysia dengan 176 kes. Justeru, kami bimbang masalah dengan akan kembali menghan-



Keadaan jalan utama dipenuhi kakitangan syarikat loji penapisan yang diletak secara haram di Taman Peruna, Sungai Udang.



Anggota penguatan kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mengeluarkan samaran terhadap pemilik motosikal yang meletak kenderaan secara haram di Taman Peruna.

tui penduduk.

"Apabila bahu jalan dalam taman perumahan dijadikan ruang parkir haram, ia menghalang laju lori sampah menyebabkan ada sampah tidak dapat dikutip,

sekali gus meningkatkan risiko penduduk dijangkiti penyakit," katanya.

Pesara tentera, Aminordin Dasuki, 59, pula berkata beliau difahamkan ada dua padang dalam Kawasan loji penapisan terbabit yang menjadi 'mangs' apabila kira-kira 1,500 motosikal dan 500 kereta pekerja mereka diletakkan sepanjang hampir dua kilometer jalan dalam taman ini?

"Bagaimana dengan keselamatan dan nyawa penduduk yang perlu segera menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran sedangkan di sekilang rumah sesak dengan kenderaan?" katanya.

Sementara itu, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

Bukit Mentangau (Taman Peruna) Sungai Udang bersedia untuk menolak bayaran RM4,500 yang diterima setiap bulan bagi mengawal lalu lintas di taman perumahan terbabit susulan masalah parkir berkenaan.

Pengerusi majlis itu, Mejar (B) Abdul Razak Othman, berkata pihaknya sedia berunding dengan pihak berkaitan untuk membatalkan bayaran terbabit yang diterima sejak April lalu.

"Sejak April lalu, MPKK menerima bayaran RM4,500 sebulan daripada pihak terbabit hanya untuk menjalankan tugas mengawal lalu lintas bagi mengelakkkan kesesakan teruk akibat kenderaan kakitangan diletakkan di bahu jalan ini.

"Namun sekarang, kami bersedia tidak menerima satu sen pun sebab tidak mahu setiap hari memikirkan keselamatan penduduk."

"Kami berharap kedamaian kawasan ini dapat kembali seperti asal. Apalah nilai wang RM4,500 itu jika kami terpaksa merana setiap kali bangun tidur," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, masalah kesesakan parkir itu beberapa kali melalui proses perbincangan, namun masih gagal mencapai penyelesaian.

"Saya difahamkan, projek terbaru di loji ini memakan masa tiga tahun, justeru saya berharap pihak terbabit dapat menyediakan ruang parkir dalam premis mereka, sekali gus menamatkan kesulitan kami," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
8 OKTOBER 2019 (SELASA)

| | |
|--------------|--|
| Akhbar | Selangor Kini |
| Tajuk Berita | Zuraida puji program sisa kepada tunai |
| Muka Surat | 7 |

Zuraida puji program Sisa Kepada Tunai

Selangor Kini 9/10/19 ms 7

AMPANG - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin memuji usaha Kerajaan Negeri yang menggalakkan program Sisa Kepada Tunai dalam kalangan penduduk setempat.

Beliau percaya dengan inisiatif berkenaan akan dapat menjadi budaya masyarakat sembil menjana sumber pendapatan.

"Kita percaya ini inisiatif ini menggalakkan penduduk setempat membersihkan sesuatu kawasan dan hasilnya dapat menjadi sumber pendapatan ekonomi.

"Saya percaya dalam tempoh lima tahun, Malaysia akan dapat imej baharu iaitu lebih bersih dan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi dalam kebersihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Program Jelajah Kemasyarakatan Gen S, di Kampung Sungai Putih, di sini, pada 29 September lalu.

Hadir sama, EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Khairuddin Othman dan EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha.

Pada masa sama, Zuraida berkata, aktiviti plogging dan Sisa Kepada Tunai yang membabitkan golongan Gen S itu akan diadakan di 24 zon Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Ini kawasan ke lima dan ia akan dilaksanakan di semua zon Ahli Majlis MPAJ. Usaha ini akan dapat meningkatkan kebersihan dan

Saya berharap pelaksanaan ini akan menjadi contoh kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) lain untuk sama-sama memastikan kawasan perumahan bersih



ZURAIDA KAMARUDDIN
Menteri Perumahan

kualiti penduduk sekitar Ampang.

"Saya berharap pelaksanaan ini akan menjadi contoh kepada Pihak Berkusa Tempatan lain untuk sama-sama memastikan kawasan perumahan bersih," katanya.

Selain itu, katanya, aktiviti kemasyarakatan membabitkan sukarelawan dalam kalangan golongan muda perlu diperluaskan.

"Inilah masa golongan muda memberi sumbangan kepada pembangunan negara, justeru saya amat menggalakkan semua rakyat Malaysia, khususnya golongan muda untuk membabitkan diri dalam program ke-sukarelawan," katanya.